

SOALAN NO. 33

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' FAUZI BIN ABDUL
RAHMAN [INDERA MAHKOTA]**

TARIKH : 15 NOVEMBER 2016

SOALAN :

YB Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Kerajaan akan mengeluarkan Laporan asal *Auditor General* berkenaan 1MDB yang dilindungi "OSA" Jika tidak, nyatakan sebab-sebab ia digolongkan sebagai rahsia negara.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Laporan Ketua Audit Negara mengenai 1MDB adalah khusus untuk Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC). Laporan tersebut telah dibincangkan oleh PAC sebelum memuktamadkan Laporan PACberkenaan Kawalan Pengurusan Tadbir Urus 1MDB yang telah dibentangkan di Parlimen pada 7 April 2016.

Sekian, terima kasih.